YANG di-Pertuan Agong, Tuanku Muhammad V (duduk, lapan dari kanan) berkenan bergambar kenangan bersama Raja-Raja Melayu, Yang Dipertua Negeri-negeri, Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-244 (Khas) sempena Istiadat Melafaz Sumpah dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan Yang di-Pertuan Agong ke-15 dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara semalam.

Turut berangkat (duduk, dari kiri) Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Sultan Ibrahim; Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin; Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas; Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah; Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir; Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin; Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah; Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Muhammad V; Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail; Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Nazrin Shah; Pemangku Raja Kelantan, Tengku Muhammad Faiz Petra; Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Mohd. Khalil Yaakob; Tunku Temenggong Kedah, Tan Sri Tunku Sallehuddin Almarhum Sultan Badlishah; Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak, Datuk Mohd. Asfia Awang Nassar dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Kosmo
14/12/16
MS 1-6-7

Era Tuanku Muhammad V bermula

Yang di-Pertuan Agong ke-15 lafaz sumpah memegang jawatan untuk tempoh 5 tahun

TUANKU Muhammad V pada Istiadat Sambutan Rasmi Yang di-Pertuan Agong ke-15 di Dataran Parlimen, Kuala Lumpur semalam sambil diiringi Najib (kanan) dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

SISTEM Raja Berperlembagaan di Malaysia mencatat sejarah baharu apabila Sultan Kelantan, Tuanku Muhammad V semalam melafaz sumpah memegang jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 dalam upacara penuh adat istiadat di Istana Negara, Kuala Lumpur.

Turut melafaz sumpah memegang jawatan ialah Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong untuk tempoh selama lima tahun.

Tuanku Muhammad V, 47, menggantikan Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang tamat tempoh pemerintahan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 kelmarin.

TUANKU Muhammad V (dua dari kanan) berkenan menandatangani Surat Perisytiharan memegang jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 di Istana Negara, Kuala Lumpur semalam.

Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Datuk Syed Danial Syed Ahmad memulakan istiadat dengan menyembahkan Surat Sumpah Jawatan kepada Tuanku Muhammad V yang kemudiannya melafazkan Sumpah Jawatan sebelum menandatanganinya.

Istiadat kemudian diteruskan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menghadap dan menyembahkan Surat-surat Perisytiharan memegang jawatan untuk ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Semua sembilan Raja-Raja Melayu atau wakil-wakil baginda serta tiga Yang Dipertua Negeri hadir pada upacara berkenaan kecuali Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah yang diwakili oleh Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah manakala Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar diwakili oleh Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Sultan Ibrahim.

» BERITA DAN GAMBAR DI MUKA 6 DAN 7

Bermulanya pemerintahan Seri Paduka Baginda sebagai Ketua Kerajaan Persekutuan Malaysia

Tuanku Muhammad V lafaz sumpah jawatan Yang di-Pertuan Agong

KUALA LUMPUR – Tuanku Muhammad V semalam melafaz sumpah memegang jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15 dalam upacara penuh adat istiadat di Istana Negara di sini.

Turut melafaz sumpah memegang jawatan ialah Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Kedua-dua sultan dipilih oleh Raja-Raja Melayu pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-243 (Khas) di Istana Negara, 14 Oktober lalu bagi tempoh lima tahun bermula semalam.

Sumpah Jawatan sebelum menandatanganinya.

Surat Sumpah Jawatan itu ditandatangani oleh Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin dan Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail sebagai saksi.

Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja menyembahkan pula Surat Sumpah Jawatan kepada Sultan Nazrin yang kemudian melafazkan sumpah jawatan sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong sebelum menandatanganinya.

Surat Sumpah Jawatan

TUANKU MUHAMMAD V berkenan menerima Surat-Surat Perisytiharan memegang jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15 daripada Najib pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-244 (Khas) sempena Istiadat Melafaz Sumpah dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan Yang di-Pertuan Agong Ke-15 di Istana Negara, Kuala Lumpur semalam.

SULTAN NAZRIN (kanan) berkenan melafaz sumpah memegang jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-244 (Khas) sempena Istiadat Melafaz Sumpah dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan Yang di-Pertuan Agong Ke-15 di Istana Negara.

tahun bermula semalam.

Tuanku Muhammad V, 47, menggantikan Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang tamat tempoh pemerintahan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 kelmarin.

Upacara di balairung seri semalam bermula dengan Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-244 (Khas) sempena Istiadat Melafaz Sumpah dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan oleh kedua-dua sultan.

Mesyuarat Khas itu dipengerusikan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Memulakan istiadat, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Datuk Syed Danial Syed Ahmad tampil menyembahkan Surat Sumpah Jawatan kepada Tuanku Muhammad V yang kemudiannya melafazkan Surat Sumpah Jawatan Tuanku Muhammad V turut ditandatangani oleh Sultan Mizan dan Tuanku Syed Sirajuddin sebagai saksi.

Selesai istiadat itu, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja menyambut Surat Sumpah Jawatan tersebut diikuti ucapan Menjunjung Kasih dan melafazkan Allahuakbar sebanyak tiga kali.

Selepas itu, Syed Danial memaklumkan bahawa Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-244 (Khas) ditangguhkan ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak.

Acara di balairung seri diteruskan dengan istiadat menandatangani perisytiharan memegang jawatan oleh Yang di-Pertuan Agong dan timbalannya.

Memulakan istiadat itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang diapit Datuk Paduka Maharaja Lela, Mejar Jeneral Datuk Md. Tajri Alwi dan penolongnya, Azuan Effendy Zairakithnaini menghadap dan menyembahkan Surat-Surat Perisytiharan memegang jawatan untuk ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Najib kemudian membaca perisytiharan bahawa Tuanku Muhammad V telah mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15 manakala Sultan Nazrin pula mengangkat sumpah sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Semua sembilan Raja-Raja Melayu atau wakil-wakil baginda serta tiga Yang Dipertua Negeri hadir pada upacara berkenaan kecuali Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah yang diwakili oleh Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah; Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar diwakili oleh Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Sultan Ibrahim.

Sementara Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Abdul Taib Mahmud diwakili Speaker Dewan Undangan Sarawak, Datuk Mohamad Asfia Awang Nassar.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, menteri-menteri besar, ketua-ketua menteri, menteri-menteri Kabinet, anggota Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta pegawai tinggi kerajaan.

Setelah selesai upacara di balairung seri, Najib mengetuai upacara menghadap diikuti menteri-menteri Kabinet serta orang kenamaan. – Bernama

Kandungan Surat Perisytiharan Yang di-Pertuan Agong Ke-15

BERIKUT ialah kandungan surat perisytiharan Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15.

Surat perisytiharan itu dibacakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada Istiadat Melafaz Sumpah Memegang Jawatan dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan di Istana Negara, Kuala Lumpur semalam:

Bahawasanya adalah diperuntukkan oleh Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan bahawa hendaklah ada seorang Ketua Utama Negara bagi Persekutuan yang digelar Yang di-Pertuan Agong yang dipilih oleh Majlis Raja-Raja.
Dan bahawasanya menurut peruntukan Jadual Ketiga kepada Perlembagaan Persekutuan, Majlis Raja-Raja telah mengisytiharkan Beta dipilih memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong.

Maka oleh yang demikian Beta, Sultan Muhammad V, dengan ini mengisytiharkan bahawa Beta pada hari ini telah memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong dan telah mengangkat sumpah yang dikehendaki oleh Perkara 37 Perlembagaan Persekutuan mengikut cara yang ditetapkan oleh Perkara itu.

Diperbuat di Istana Beta, Istana Negara, di Ibu Negara Beta di Kuala Lumpur pada tiga belas hari bulan Disember dalam tahun dua ribu enam belas.

TUANKU MUHAMMAD V bersalaman dengan bonda, Tengku Anis sebelum berangkat ke Istana Negara, Kuala Lumpur di LTSIP, Kota Bharu semalam.

Ribuan rakyat pelbagai kaum rai keberangkatan Sultan Kelantan

KOTA BHARU – Cuaca cerah mengiringi keberangkatan Tuanku Muhammad V ke ibu negara bagi menduduki takhta sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15 bagi tempoh lima tahun bermula semalam.

Istiadat keberangkatan Seri Paduka di Istana Negeri, Kubang Kerian di sini bermula seawal pukul 7.50 pagi dengan penuh adat istiadat.

Tuanku Muhammad V yang mengenakan persalinan rasmi Sultan Kelantan turut memeriksa Kawalan Kehormatan Utama terdiri daripada tiga pegawai dan 104 anggota daripada Rejimen Ke-5 Artileri Diraja Kem Desa Pahlawan, Kota Bharu diketuai Mejar Mohd. Saiful Azly yang kemudiannya turut menyembah 'Hormat Diraja'.

Pemangku Raja Kelantan, Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Dr. Muhammad Faiz Petra dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob antara dif kehormat yang mengiringi Sultan Muhammad V ke Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Pengkalan Chepa di sini.

Doa selamat dibacakan Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad disusuli Kawalan Kehormatan Utama menyembahkan Hormat Diraja buat kali kedua sebelum Tuanku Muhammad V berangkat ke LTSIP.

Ribuan rakyat Kelantan berbilang kaum berbaris sambil mengibarkan bendera Kelantan dan Jalur Gemilang di sepanjang jalan antara Istana Negeri, Kubang Kerian dan LTSIP sejauh 14 kilometer bagi meraikan keberangkatan Tuanku Muhammad V.

Sebaik tiba di LTSIP, Tuanku Muhammad V sempat memohon restu daripada bonda, Tengku Anis Tengku Abdul Hamid sebelum berangkat ke Kuala Lumpur.

Lagu *Raja Berangkat* turut dimainkan oleh pasukan Gendang Besar Istana Kelantan sebelum pesawat yang membawa Tuanku Muhammad V berlepas ke ibu negara pukul 9.12 pagi.

Tuanku Muhammad V lafaz sumpah jawatan Yang di-Pertuan Agong

YANG DI-PERTUAN AGONG, Tuanku Muhammad V (kanan) memperkatakan sesuatu kepadaTimbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Nazrin Shah (tengah) dan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah (kiri) selepas Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-244 (Khas) sempena Istiadat Melafaz Sumpah dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan Yang di-Pertuan Agong Ke-15 dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, Kuala Lumpur semalam.

TUANKU MUHAMMAD V berkenan melafaz sumpah memegang jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-244 (Khas) di Istana Negara. Mesyuarat Khas itu dipengerusikan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah (kiri).

TUANKU MUHAMMAD V berkenan menyerahkan surat sumpah jawatan kepada Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Datuk Syed Danial Syed Ahmad selepas melafaz sumpah memegang jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15 pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-244 (Khas) sempena Istiadat Melafaz Sumpah dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan Yang di-Pertuan Agong ke-15 di Istana Negara semalam.

TUANKU MUHAMMAD V berkenan memberi tabik hormat pada majlis sambutan rasmi Yang di-Pertuan Agong ke-15 di Dataran Parlimen, Kuala Lumpur semalam. Hadir sama ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak (dua dari kiri) dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor (kanan) serta Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi (kiri).

TUANKU MUHAMMAD V (tengah) mengaminkan doa yang dibaca Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu semalam. Turut berangkat ialah bonda Tuanku Muhammad, Tengku Anis Tengku Abdul Hamid (tiga dari kanan) Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Dr. Muhammad Faiz Petra (dua dari kanan).

TUANKU MUHAMMAD V berkenan bersalaman dengan rakyat Kelantan yang menunggu sejak awal pagi di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu.

RAKYAT Kelantan berbaris di sepanjang jalan bagi meraikan keberangkatan Tuanku Muhammad V ke Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu semalam.